

Timolol Maleate (0.5 w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Iotim Eye Drops
2. Bagaimana Iotim Eye Drops berfungsi
3. Sebelum menggunakan Iotim Eye Drops
4. Cara menggunakan Iotim Eye Drops
5. Semasa menggunakan Iotim Eye Drops
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Iotim Eye Drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Iotim Eye Drops

Iotim Eye Drops digunakan untuk merawat tekanan tinggi di dalam mata dikalangan individu yang mempunyai glaukoma sudut terbuka.

Bagaimana Iotim Eye Drops berfungsi

Apabila menggunakan Iotim Eye Drops secara topikal di mata ia mempunyai tindakan mengurangkan tekanan tinggi di mata.

Sebelum menggunakan Iotim Eye Drops

- Bila tidak boleh menggunakan

Sekiranya anda alah (hipersensitif) kepada Timolol atau beta-blockers atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

Sekiranya anda mempunyai masalah pernafasan sekarang atau dahulu seperti asma, penyakit halangan paru-paru berpanjangan yang boleh menyebabkan kesukaran bernafas dan/atau batuk yang agak lama.

Jika anda mempunyai degupan jantung yang perlahan, kegagalan jantung atau gangguan rentak jantung (Degupan jantung tidak teratur)

- Sebelum menggunakan Iotim Eye Drops

Adalah penting untuk memaklumkan doktor anda sebelum menggunakan

Iotim Eye Drops:

- Kencing manis kerana timolol boleh menyembunyikan tanda-tanda dan gejala-gejala gula darah rendah
- Aktiviti kelenjar tiroid yang berlebihan kerana timolol boleh menyembunyikan tanda-tanda dan gejala-gejalanya.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor anda jika anda mengambil ubat yang berikut:


- Epinephrine – digunakan untuk merawat reaksi alergi yang sangat serius
- Reserpine – digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.
- Digitalis – digunakan untuk merawat masalah jantung.

Beritahu doktor anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Iotim Eye Drops

- Berapa banyak harus digunakan

Menitiskan satu titis dalam mata yang terjejas dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor.



Ketatkan penutup pada muncung botol.

Jarum pada penutup akan menembusi hujung botol

Titiskan titisan dengan tekanan lembut
Gantikan penutup selepas setiap penggunaan

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Iotim Eye Drops ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Segera gunakan ubat sebaik sahaja anda ingat. Walaubagaimanapun, sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, jangan ambil dos berganda dan ambil dos berikut seperti yang dijadualkan.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera jika terambil dos berlebihan. Tanda-tanda lebih dos termasuk denyutan jantung yang tidak teratur, sakit kepala, sesak nafas, degupan jantung perlahan, kesukaran bernafas dan jantung berhenti berdenyut, tekanan darah tinggi, pening, berdering di telinga, pengsan dan kadar nadi meningkat.

Semasa menggunakan Iotim Eye Drops

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Iotim Eye Drops.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berkongsi Iotim Eye Drops dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Mengandung dan menyusu.

Jangan gunakan Iotim Eye Drops jika anda mengandung kecuali atas arahan doktor.

Jangan gunakan Iotim Eye Drops jika anda menyusukan bayi. Timolol boleh dirembes dalam susu anda.

Minta nasihat doktor anda sebelum mengambil apa-apa ubat semasa penyusuan bayi. Keselamatan dan keberkesanan pada kanak-kanak belum dipastikan.

Memandu dan menggunakan jentera

Walau bagaimanapun, jangan memandu atau mengendalikan mesin jika anda mengalami sebarang gangguan penglihatan selepas menggunakan produk ini. Tunggu sehingga keadaan ini pulih sebelum memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Iritasi setempat adalah satu-satunya kesan sampingan biasa. Sesak nafas dilaporkan berlaku pada orang tua yang mempunyai masalah paru-paru. Iotim Eye Drops biasanya diterima dengan baik selepas digunakan secara topikal di mata.

- Iritasi mata termasuk rasa panas dan pedih
- Keradangan konjunktiva, kelopak mata dan kornea
- Gangguan penglihatan termasuk perubahan kuasa mata
- penurunan sensitiviti kornea
- penglihatan berganda
- kejatuhan kelopak mata atas kerana lumpuh
- sakit kepala
- kemurungan
- pening
- rasa yang tidak normal seperti kesemutan, geli, mencucuk, kebas atau pedih pada kulit
- kelemahan fizikal yang tidak normal atau kekurangan tenaga
- cirit-birit

- loya
- Kesan sampingan yang lebih serius
- Jantung tersumbat atau keadaan menjadi lebih teruk
- degupan jantung tidak teratur
- kegagalan jantung kongestif
- kehilangan kesedaran sementara yang disebabkan oleh penurunan tekanan darah
- strok
- hidung tersumbat
- batuk dengan kesukaran untuk bernafas (terutamanya pada sesiapa yang sudah mempunyai asma)
- tidak boleh bernafas

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Iotim Eye Drops

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C & Lindungi dari cahaya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Gunakan larutan dalam masa satu bulan selepas botol dibuka.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

5 ml larutan steril tidak berwarna dalam botol plastik dalam karton.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Timolol Maleate

- Bahan tidak aktif

Sodium Phosphate, Sodium Acid Phosphate, Disodium Edetate, Sodium Chloride, Benzalkonium Chloride, Sodium Hydroxide dan Water for Injection.

- Nombor MAL

MAL19990571AZ

Pengilang

FDC Limited.

B-8, MIDC Industrial Area, Waluj, Aurangabad – 431 136, Maharashtra, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Sdn Bhd.

No 15 & 17, Jalan Wangsa Delima 1A, Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

29/08/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)290818/00253